Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 10, e001794
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1794

Kesantunan Bahasa Sebagai Mediator antara Tingkah Laku Penutup dengan Perwatakan Bahasa dalam kalangan Pelajar di Universiti

(Language Politeness as a Mediator Between Closing Behavior with Language Character Among University Students)

Abdul Rasid bin Jamian[1*], Mohd Rashid Md Idris[2], Azhar Wahid[3], Norfaizah Abdul Jobar[4], Ariff Mohammad[5], Rosmaria Omar[6]

[1]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my
[2]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: rashid@fbk.upsi.edu.my
[3]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: azhar@fbk.upsi.edu.my
[4]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my
[5]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: ariff@fbk.upsi.edu.my
[6]Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Email: rosemariaomar@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Abdul Rasid bin Jamian
(rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:
Tingkah laku penutup
Pendidikan kesantunan bahasa
Perwatakan bahasa

KEYWORDS:
Closing behavior
Language politeness education
Language character

CITATION:
Abdul Rasid Jamian et al. (2022). Kesantunan Bahasa Sebagai Mediator antara Tingkah Laku Penutup dengan Perwatakan Bahasa dalam kalangan Pelajar di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(10), e001794. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1794

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengkaji tahap tingkah laku penutup, pendidikan kesantunan bahasa dan perwatakan bahasa, menganalisis hubungan langsung antara pemboleh ubah tingkah laku penutup dan pendidikan kesantunan bahasa dengan perwatakan bahasa, dan menganalisis pendidikan kesantunan bahasa adalah mediator bagi hubungan antara tingkah laku penutup dengan perwatakan bahasa. Sampel kajian melibatkan seramai 380 orang pelajar yang mengikuti program bahasa di tiga universiti awam (UPSI, UPM dan UIA) dan tiga universiti swasta (OUM, USAS dan UTAR) yang dipilih secara rawak berstrata. Pengumpulan data secara kuantitatif dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik melalui *Google Form*. Manakala, data sekunder untuk proses triangulasi menggunakan kaedah *tuning interview* yang melibatkan seramai 24 orang peserta kajian. Setiap universiti diwakili oleh empat orang pelajar sebagai responden kajian bagi data kualitatif. Dapatan menunjukkan bahawa bentuk positif kesopanan yang paling banyak digunakan oleh pelajar adalah tutur kata dengan nilai β=0.67, p=.000. Pendidikan kesantunan bahasa telah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menyumbang sebanyak 80% nilai R2 bagi perwatakan bahasa dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, kesantunan sewaktu berbahasa dapat diterjemahkan melalui pemilihan perkataan yang baik dan cara menuturkan perkataan berkenaan dalam situasi tertentu berdasarkan tujuan ujaran misalnya untuk menyapa, meminta, mencurahkan perasaan, mengarah, atau mempengaruhi orang lain. Bahasa dan gaya penyampaian berkait rapat dengan pendidikan kesantunan apabila digunakan dalam berkomunikasi dan berhubungan antara individu sehingga difahami maksudnya. Implikasi kajian menjelaskan bahawa bahasa adalah elemen terpenting semasa berkomunikasi bagi mewujudkan perwatakan bahasa yang menarik dalam kalangan pelajar. Pemilihan perkataan, gaya pertuturan, nada, dan bahasa tubuh yang santun menunjukkan seseorang individu itu mempunyai budi bahasa dan akhlak yang baik.

ABSTRACT

The purposes of study were to examine the level of closing behavior, language politeness education and language character, analyze the direct relationship between variables of closing behavior and language politeness education with language character, and analyze language politeness education as a mediator for the relationship between closing behavior with language character. The sample of study involved 380 students who were undergoing language programs at three public universities (UPSI, UPM and UIA) and three private universities (OUM, USAS and UTAR) which chosen by stratified random sampling. The collection of data by quantitative was carried out by using a questionnaire through Google Form. Meanwhile, the secondary data for triangulation process used tuning interview method that involved 24 participants. Each university was represented by four students as respondents for qualitative data. Findings showed that the most positive form of politeness used by students was speech with β value =0.67, p=.000. Language politeness education had contributed 80% of R2 value for language character among students. In conclusion, politeness in speech can be translated through the selection of good words and ways of speaking in certain situations based on the purpose of speech such as to greet, request, express feelings, instruct, or influence others. Language and delivery style are closely related to politeness education when used in communicating and connecting between individuals until its meaning can be comprehend. The implication of study explains that language is the most important element when communicating to create an interesting language character among students. The choice of words, speech style, tone, and polite body language show that the individual has good manners and morals.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati aspek kesantunan bahasa sebagai mediator dan perwatakan bahasa yang merupakan elemen dalam bidang bahasa digarapkan dengan elemen psikologi iaitu tingkah laku penutup

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menghasilkan satu model peramal yang boleh dijadikan satu panduan khusus untuk para pembaca bagaimana pentingnya kesantunan dalam berbahasa akan mempengaruhi watak seseorang pelajar dalam menginterpretasikan diri mereka.

1. Pengenalan

Kesantunan dalam perlakuan berbahasa perlu diberikan perhatian seperti mana yang dijalankan oleh pensyarah di bilik kuliah, sesama rakan sebaya dan masyarakat amnya. Kesopanan tidak hanya berkaitan dengan bahasa; kesopanan juga berkaitan dengan pendidikan (Dawi & Abas, 2020). Ia sentiasa diterapkan terutama dalam pendidikan bahasa Melayu. Sekiranya pendidikan kesantunan tidak dijalankan dengan baik, tidak mustahil, matlamat jati diri negara yang diharapkan tidak akan tercapai. Kesantunan dalam penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda terutama dalam kalangan pelajar di universiti awam dan swasta masa kini agak membimbangkan. Ia dilihat berdasarkan beberapa hasil kajian sebelumnya yang menyatakan bahawa terdapat penggunaan alat bahasa yang tidak sopan. Bentuk-bentuk tidak sopan berikut dalam bahasa: ejekan dan penggunaan kata-kata kasar (Cahyadi, 2018), kritikan langsung, penyebaran kebencian, dan menyerang keperibadian orang lain (Hartini et al., 2017), pergeseran dan kekurangan dalam kesantunan penggunaan bahasa dalam diri pelajar (Wintarsih, 2019) dan penggunaannya disfemia di media sosial (Tarmini & Safii, 2018).

Dasar Pendidikan Negara mempunyai matlamat yang satu, untuk menyatukan seluruh kaum yang ada di Tanah Melayu bawah satu bahasa, iaitu bahasa Melayu, dan satu sukatan pelajaran, iaitu sukatan pelajaran nasional. Hal ini penting agar kiblat pendidikan menuju matlamat bagi melahirkan modal insan yang mempunyai citra dan jati diri kebangsaan, bersatu padu dan hidup dengan harmoni. Penyata Tun Abdul Razak boleh dianggap sebagai satu pemikiran dan visi merentas sempadan etnik demi perpaduan dan kesejahteraan Negara. Melalui Penyata Pendidikan Razak, jelas menunjukkan bahawa Persatuan Pendidikan Nasional mempunyai tujuan untuk menyatukan semua etnik di Tanah Melayu bawah satu bahasa, bahasa Melayu, dan sukatan pelajaran, dan sukatan pelajaran kebangsaan. Ini sangat penting untuk pendidikan ke arah tujuan memupuk modal insan dengan imej dan identiti nasional, perpaduan dan hidup bersama yang harmoni (Abd Razak, 2020; Jaya, 2018). Fenomena yang berlaku pada masa kini, generasi muda kelihatan semakin rendah nilai jati diri bangsa dengan mengabaikan aspek kesantunan yang sepatutnya menjadi tunggak dalam mempertahankan bahasa Melayu khususnya melalui pendidikan. Generasi kini dilihat lebih egois dalam mempertahankan hak mereka untuk berbahasa dan mencalarkan jati diri negara bangsa.

1.1. Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkah laku penutup dan pendidikan kesantunan bahasa dengan perwatakan bahasa dalam kalangan pelajar universiti awam. Manakala objektif khusus kajian iaitu:

i. Mengenal pasti tahap tingkah laku penutup, pendidikan kesantunan bahasa dan perwatakan bahasa pelajar program bahasa di universiti.
ii. Menganalisis hubungan langsung antara pemboleh ubah tingkah laku penutup dan pendidikan kesantunan bahasa dengan perwatakan bahasa pelajar program bahasa di universiti.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

iii. Menganalisis pendidikan kesantunan bahasa adalah mediator bagi hubungan antara tingkah laku penutup dengan perwatakan bahasa.

1.2. Soalan Kajian

Bagi memperoleh data objektif kajian ini, pengkaji telah membina soalan kajian yang lebih komprehensif iaitu:

i. Apakah tahap tingkah laku penutup, pendidikan kesantunan bahasa dan perwatakan bahasa pelajar di universiti?
ii. Apakah hubungan langsung antara pemboleh ubah tingkah laku penutup dan pendidikan kesantunan bahasa dengan perwatakan bahasa pelajar di universiti awam dan universiti swasta?
iii. Bagaimanakah pendidikan kesantunan bahasa adalah mediator bagi hubungan antara tingkah laku penutup dengan perwatakan bahasa?

2. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan deskriptif korelasi dan disokong dengan data sekunder bagi triangulasi untuk memperkukuhkan data kajian. Kaedah kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif sebagai data sekunder.

2.1. Fasa 1: Kuantitatif

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang dibina oleh pengkaji bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Sejajar dengan pandangan Ghazali dan Sufean (2016) kaedah penyelidikan deskriptif tidak memerlukan usaha untuk mengawal sesuatu olahan. Hal ini disebabkan penyelidik tidak menentukan terlebih dahulu faktor yang mendatangkan kesan terhadap sesuatu peristiwa. Soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Sementara itu, Noraini (2013) menyatakan kajian deskriptif dapat memberikan penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 380 orang pelajar dalam program bahasa di universiti awam dan universiti swasta. Sementara sampel kajian yang akan dijalankan ini akan melibatkan 3 buah universiti awam dan 3 buah universiti swasta yang mempunyai pelajar program bahasa dan kesusasteraan di Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Pemilihan sampel adalah secara rawak. Data dikumpulkan melalui penggunaan *Google Form* yang akan ditadbir oleh pengkaji sendiri. Pelajar yang yang terlibat ini terdiri daripada pelajar tahun akhir yang mengikuti program pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu. Tempoh masa untuk setiap orang responden menjawab soal selidik adalah lebih kurang 40 minit seorang. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dan Amos.

2.2. Fasa 2: Kajian kualitatif sebagai data sekunder

Kaedah perbincangan *tuning interview* atau *peer to peer* merupakan satu kaedah kualitatif bagi mengumpulkan data sekunder. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih sekumpulan pelajar yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan, iaitu yang berkaitan dengan penglibatan, pengkhususan dan pengalaman mereka dalam pementasan drama dan sebagainya. Dalam fasa ini, sebanyak dua puluh empat orang peserta kajian akan ditemu bual, iaitu bagi mewakili setiap negeri universiti. Peserta yang dikaji

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

merupakan pelajar yang pernah terlibat dengan aktiviti pementasan drama semasa pengajian mereka di universiti. Pelajar dipilih dalam kalangan pelajar program Bahasa Melayu. Seorang fasilitator (pemudah cara) dilantik akan menentukan hala tuju perbincangan tersebut. Apa-apa yang dikatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam *tuning interview* dan kaedah ini memberi peluang kepada semua responden untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia pendidikan khas yang sebenar. Oleh hal yang demikian, kaedah ini boleh digunakan untuk kajian sebenar bagi menyokong dapatan data kuantitatif. Melalui temu bual yang dijalankan, maklumat kajian akan dikumpulkan oleh pengkaji untuk trangulasi data kajian.

3. Dapatan

Kajian yang dijalankan ini menggunakan dua pendekatan iaitu secara deskriptif dan analisis korelasi menggunakan alat statistik SPSS. Tujuan analisis ini dijalankan adalah bagi menjawab semua objektif kajian yang dijalankan. Ia juga bagi mendapatkan nilai yang signifikan secara statistik sebelum analisis regresi melalui pendekatan analisis Persamaan Berstruktur (SEM) menggunakan Amos dilaksanakan. Dapatan kajian dilaporkan seperti di bawah.

3.1. Tahap tingkah laku penutup, pendidikan kesantunan bahasa dan perwatakan bahasa pelajar program bahasa di universiti.

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap bagi setiap pemboleh ubah yang dikaji. Kesemua konstruk dan sub konstruk yang diukur dalam kajian ini menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu adab M=4.60; SP=0.61, tingkah laku M=3.52; SP=0.48, penggunaan bahasa M=3.21; SP=0.41, perubahan watak M=3.60; SP=0.49, persepsi sosial M=3.64; SP=0.47, identiti sosial M=3.22; SP=0.45, interaksi sosial M=3.26; SP=0.43 dan perwatakan bahasa M=3.92; SP=0.50.

Jadual 1: Tahap Tingkah Laku Penutup, Pendidikan Kesantunan Bahasa Dan Perwatakan Bahasa Pelajar

Pemboleh Ubah	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Adab	4.60	0.61	Tinggi
Tingkah laku	3.52	0.48	Tinggi
Penggunaan Bahasa	3.21	0.41	Tinggi
Perubahan Watak	3.60	0.49	Tinggi
Persepsi Sosial	3.64	0.47	Tinggi
Identiti Personal	3.22	0.45	Tinggi
Interaksi Sosial	3.26	0.43	Tinggi
Perwatakan Bahasa	3.92	0.50	Tinggi

3.2. Hubungan langsung antara pemboleh ubah tingkah laku penutup dan pendidikan kesantunan bahasa dengan perwatakan bahasa pelajar program bahasa di universiti

3.2.1. Korelasi Pearson

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hasil analisis korelasi yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara semua pemboleh ubah yang diukur. Dapatan ditunjukkan dalam Jadual 2 seperti di bawah;

Jadual 2: Analisis Korelasi Adab, Tutur Kata, Penggunaan Bahasa dan Perwatakan Bahasa

	Adab	**Tutur Kata**	**Penggunaan Bahasa**	**Perwatakan Bahasa**
Adab	1			
Tutur Kata	.860***	1		
Penggunaaan Bahasa	.837***	.877***	1	
Perwatakan Bahasa	.796***	.835***	.836***	1

N=380

Berdasarkan kepada Jadual 2, analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara semua faktor yang diukur. Bagi faktor yang pertama iaitu kesantunan bahasa dari aspek adab menunjukkan hubungan yang signifikan dengan perwatakan bahasa pelajar (r=.796, p=.000). Arah hubungan bagi kedua pemboleh ubah adalah positif yang membawa maksud semakin beradab seseorang pelajar dalam pergaulan mereka maka semakin baiklah perwatakan bahasa yang ditonjolkan oleh mereka. Aspek kedua kesantunan bahasa pula yang diukur melalui aspek tutur kata yang baik juga menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu (r=.835, p=.000) dan arah hubungan yang positif. Tutur kata yang sopan menggambarkan sejauh mana perwatakan bahasa yang ditonjolkan oleh pelajar. Semakin elok dan indah tutur kata yang digunakan, maka perwatakan bahasa yang ditunjukkan juga menjadi semakin cemerlang. Manakala, yang terakhir hubungan signifikan positif turut ditunjukkan antara penggunaan bahasa yang digunakan dalam perbualan pelajar dengan perwatakan bahasa (r=.836, p=.000) juga menunjukkan hubungan yang signifikan. Ini bermaksud semakin baik bahasa atau penggunaan bahasa yang sopan akan memberi petunjuk terhadap perwatakan bahasa yang baik dalam kalangan pelajar. Hasil analisis korelasi ini menunjukkan kepatuhan terhadap syarat untuk melaksanakan analisis regresi melalui pendekatan SEM. Seterusnya, hasil analisis regresi SEM dilaporkan seperti dalam Rajah 1 dan Rajah 2. Hasil analisis ini akan menjawab objektif bagi kajian yang dijalankan.


3.2.2. Model Persamaan Berstruktur

Analisis seterusnya adalah bagi menganalisis hubungan antara pemboleh ubah kesantunan bahasa dari aspek adab, tutur kata dan penggunaan bahasa dengan perwatakan bahasa. Bagi tujuan analisis ini, sebanyak 29 item telah digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kesantunan bahasa. Namun begitu, setelah analisis CFA dan model pengukuran dilakukan, hanya 24 item yang dikekalkan manakala 5 item digugurkan. Semua nilai pemberat menunjukkan nilai pemberat yang melebihi nilai 0.50 (Hair et al., 2010). Manakala, sebanyak 40 item dan empat sub konstruk bagi pemboleh ubah perwatakan bahasa diukur iaitu perubahan watak, persepsi sosial, identiti personal dan interaksi sosial. Selepas analisis CFA dilakukan, pemboleh ubah perwatakan bahasa digabungkan menggunakan kaedah *item parceling* bagi mendapatkan model yang lebih baik. Semua nilai pemberat bagi pemboleh ubah perwatakan bahasa adalah melebihi nilai > 0.50. walau bagaimanapun, nilai faktor pemberat > 0.85 menunjukkan terdapat korelasi antara item Zainudin et al. (2015), maka model struktural tersebut telah ditambah baik. Rujuk model pada Rajah 2.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hasil analisis model struktural pada Rajah 1 menunjukkan model struktural mengikut sub konstruk yang memaparkan semua item diukur bagi mengenal pasti hubungan kesan langsung antara semua aspek yang diukur. Model struktural ini dilakukan sebelum ia ditambah baik dengan melakukan kaedah *item parceiling* yang akan membentuk model yang lebih baik (Zainudin et al., 2015).

Rajah 1: Model Struktural Sebelum Ditambah Baik



Hasil analisis menunjukkan nilai kesepadanan yang telah diperoleh, iaitu nilai RMSEA=.088, IFI=.924, CFI=.924, TLI=.912 dan Chisq/df=3.764. Dapatan ini juga menjawab hipotesis yang diuji iaitu;

H_a1 : Terdapat hubungan kesan langsung yang signifikan antara faktor adab dengan perwatakan bahasa pelajar
H_a2 : Terdapat hubungan kesan langsung yang signifikan antara faktor tutur kata dengan perwatakan bahasa pelajar
H_a3 : Terdapat hubungan kesan langsung yang signifikan antara faktor penggunaan bahasa dengan perwatakan bahasa pelajar

Hubungan kesan langsung yang diukur secara terus terhadap perwatakan bahasa dalam model struktural ini menunjukkan sub konstruk tutur kata memperoleh nilai beta yang paling tinggi iaitu β=0.67, p=.000. Hipotesis H_a2 diterima. Bagi hubungan kesan langsung


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

antara faktor adab dengan perwatakan bahasa pelajar juga menunjukkan keputusan yang signifikan iaitu β=0.10, p=.000. Manakala, hubungan kesan langsung antara faktor penggunaan bahasa dengan perwatakan bahasa pelajar juga menunjukkan keputusan yang signifikan iaitu β=0.11, p=.000. Maka, dapat disimpulkan bahawa faktor tutur kata memainkan peranan yang penting dalam membentuk perwatakan bahasa yang baik dalam kalangan pelajar. Tutur kata yang diukur seperti menggunakan perkataan maaf, merendahkan suara ketika berinteraksi dengan pensyarah, dan sentiasa mengucapkan ucapan terima kasih apabila dibantu oleh sesiapa sahaja mempunyai perkaitan dengan pembentukan perwatakan bahasa pelajar. Elemen ini adalah penting bagi menentukan ke arah pembentukan jati diri generasi muda masa kini. Kesantunan bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka melalui penggunaan bahasa Melayu yang sopan, tutur kata berhemah dan beradab mampu melahirkan pelajar yang kuat jati dirinya.

3.3. Menganalisis pendidikan kesantunan bahasa adalah mediator bagi hubungan antara tingkah laku penutup dengan perwatakan bahasa

Hasil analisis bagi kesan mediasi melalui analisis SEM menunjukkan kesantunan bahasa adalah mediator antara hubungan tingkah laku penutup dengan perwatakan bahasa apabila hubungan yang ditunjukkan bagi sub konstruk adab, tutur kata dan penggunaan bahasa menunjukkan hubungan yang signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesantunan bahasa merupakan mediator antara semua tingkah laku penutup yang diwakili oleh adab, tutur kata dan penggunaan bahasa yang dituturkan oleh penutur bahasa dengan perwatakan bahasa. Ini jelas menunjukkan kepentingan kesantunan bahasa dalam kehidupan seseorang khususnya pelajar.

Rajah 2: Analisis Kesantunan Bahasa Sebagai Mediator



© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan yang dihasilkan dari kajian ini adalah bentuk kesantunan positif iaitu adab, tutur kata dan penggunaan bahasa yang boleh dipraktikkan secara efisien dalam kalangan pelajar. Ia bertujuan bagi melahirkan generasi muda yang beridentiti, kuat jati diri dan mencorakkan masa depan yang lebih gemilang melalui pendidikan kesantunan yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu. Pendidikan kesantunan bahasa menjadi asas penting dalam kesinambungan membentuk jati diri negara bangsa. Adab sopan yang baik semasa komunikasi bertujuan mengelakkan salah faham, mendapat sokongan dan menggalakkan pergaulan yang baik. Tutur kata yang sopan membentuk peribadi dan perwatakan individu serta menyampaikan mesej serta dibalas dengan cara yang positif. Apabila berkomunikasi dengan tutur kata yang sopan ia akan memberikan hasil yang positif. Manakala, penggunaan bahasa yang betul dan bersesuaian meletakkan rakan penutur di hadapan, dan merupakan tanda penghormatan serta kesopanan. Impaknya, perwatakan bahasa yang baik menunjukkan tingkah laku yang sopan dan dapat membantu menjalin hubungan dengan orang lain, sama ada berlaku di tempat belajar, komuniti mahupun tempat awam. Elemen-elemen pendidikan kesantunan bahasa inilah yang akan membentuk jati diri negara bangsa generasi kini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RMICUPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan dan Inovasi Penyelidikan (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta semua responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Pusat Pengurusan dan Inovasi Penyelidikan (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana membiayai penyelidikan ini (GPU SIG/2020-0147-107-01).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abd Razak, M. R. (2020). Pembinaan negara bangsa Malaysia: peranan pendidikan sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics &*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Strategic Studies, *36*.

Cahyadi, R. (2018). *Pembelajaran Bahasa Jawa dalam Membentuk Kesantunan Berbahasa di MI Muhammadiyah Arenan Kecamatan Kaligondang Kabupaten Purbalingga*. IAIN Purwokerto.

Dawi, N. F., & Abas, A. (2020). Language Politeness among Students of University Malaysia Sabah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 133.

Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (Seventh). Pearson Prentice Hall.

Hartini, H. I., AR, H. F., & Charlina, C. (2017). *Kesantunan Berbahasa dalam Komentar Caption Instagram*. Riau University.

Jaya, A. C. (2018). Konsep Nation-State dalam Pemikiran Ideologi Politik Melayu Islam pada Abad Ke-19 M (Studi Pemikiran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi (1787-1854). *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan Dan Sastra Islam*, *18*(2), 134–146.

Noraini, I. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi 2). MCGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Tarmini, W., & Safii, I. (2018). Kesantunan Berbahasa Civitas Academica Uhamka: Kajian Sosio-Pragmatik. *Imajeri: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, *1*(1), 77–91.

Wintarsih, S. P. (2019). Pentingnya Kesantunan Berbahasa bagi Mahasiswa. *METAMORFOSIS| Jurnal Bahasa, Sastra Indonesia Dan Pengajarannya*, *12*(1), 61–64.

Zainudin, A., Afthanorhan, A., & Asri, M. A. M. (2015). Parametric and Non Parametric Approach in Structural Equation Modeling (SEM): The Application of Bootstrapping. *Modern Applied Science*, *9*(9), 58–67. https://doi.org/10.5539/mas.v9n9p58

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).